

NO. SOALAN: 446

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN :

YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan nasib 1158 orang pelarian Rohingya yang telah mendarat di Langkawi pada Mei 2015 dan ditahan di Pusat Tahanan Belantik selepas itu. Adakah sesiapa yang dihantar balik ke Myanmar, dan berapakah bilangan mereka yang telah diiktiraf sebagai orang pelarian oleh UNHCR.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan kepada beberapa siri tapisan temuduga oleh Jabatan Imigresen Malaysia bersama dengan pihak UNHCR ke atas migran bot hanyut yang mendarat di pantai Pulau Langkawi pada Mei 2015, adalah didapati bahawa migran-migran ini terdiri dari warganegara Bangladesh dan etnik Rohingya, Myanmar. Migran-migran ini seterusnya telah ditempatkan secara sementara di Depoh Tahanan Imigresen Belantik, Sik, Kedah.

Sepanjang berada di depoh tersebut, mereka telah diberi bantuan kemanusiaan sewajarnya khususnya bekalan keperluan asas seperti makan-minum, pakaian, ubat-ubatan dan sebagainya.

Kerajaan sedang melaksanakan tindakan ke atas Kenyataan Bersama oleh tiga (3) buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand pada 20 Mei 2015 untuk tempoh setahun yang akan tamat pada 20 Mei 2016. Kerajaan juga telah melaksanakan penghantaran pulang migran-migran yang terdiri daripada warganegara Bangladesh iaitu seramai 787 orang ke negara asal di mana kos penghantaran pulang adalah ditanggung oleh pihak Kerajaan Bangladesh. Baki seramai 371 orang yang terdiri dari etnik Rohingya Myanmar kini dalam proses penempatan ke negara ketiga.

Sehingga kini, pihak UNHCR tidak mengeluarkan apa-apa kad UNHCR kepada etnik Rohingya, Myanmar kerana mereka masih lagi belum

diisyiharkan sebagai pelarian oleh pihak UNHCR. Perbincangan dengan pihak UNHCR masih lagi berjalan untuk memastikan baki migran dari bot hanyut ini boleh ditempatkan di negara ketiga.

Sekian. Terima kasih.